

Simpati UM - 7 AUG 1993 pihak asing palsu - PM

②
KUALA LUMPUR 6 Ogos
— Dato' Sri Dr. Mahathir
Mohamad berkata, kerajaan lebih mengambil berat terhadap kebajikan pekerja di negara ini berbanding dengan simpati yang diberikan oleh kesatuan sekerja asing.

Beliau menegaskan, simpati yang diberikan oleh pekerja dan kesatuan sekerja asing terhadap nasib pekerja tempatan hanyalah palsu dan bertujuan untuk menguntungkan diri mereka saja.

"Inilah niat kerajaan, percayalah bahawa kerajaan pilihan rakyat lebih bersimpati dengan pekerja di negara ini," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap pada majlis makan

malam Hari Pekerja 1993 di Hotel Istana, di sini malam ini.

Beliau berkata, kesatuan sekerja asing juga tidak bersimpati terhadap aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang mampu bersaing serta mengalahkan mereka.

Menurutnya, nasib pekerja di negara-negara kurang maju yang gagal memasuki bidang industri adalah jauh lebih buruk, tetapi tidak ada simpati dan semangat persaudaraan yang ditunjukkan oleh pekerja dan kesatuan sekerja dari negara maju itu.

"Jelaslah bahawa simpati dan persaudaraan

■ Lihat muka 2

Simpati pihak asing palsu — PM

pekerja dan kesatuan sekerja dari negara maju itu tidak ikhlas tetapi hanya bertujuan untuk menghancurkan ekonomi negara membangun seperti Malaysia yang berjaya memasuki bidang industri," katanya.

Perdana Menteri berharap pekerja dan kesatuan pekerja di negara ini tidak mudah terpedaya dengan simpati yang ditunjukkan oleh kesatuan sekerja negara maju.

Katanya, jika nasihat dan bantuan mereka diterima bulat-bulat, akibatnya pembangunan negara akan terjejas dan peluang kerja serta jaminan pekerjaan akan tergugat.

"Akhirnya kita akan balik semula menjadi miskin manakala mereka akan terus kaya dan hidup mewah dengan upah dan kemudahan yang lumayan," tambah Dr. Mahathir.

Beliau menjelaskan, sebenarnya tidak ada cara untuk cepat kaya, baik bagi pengusaha ataupun pekerja.

Malah, katanya, negara dan pekerja yang terkenal kerana suka mengambil tindakan perusahaan tidak akan dapat menarik pelabur dan akhirnya masalah pengangguran akan meningkat.

"Negara seperti Malaysia yang tidak mampu membayar elaun pengangguran (dole), sudah tentu menghadapi tekanan pengangguran yang teruk.

"Sebaliknya, cara yang terselamat dan lebih terjamin untuk menaikkan upah ialah dengan menayakan perusahaan di mana kita bekerja," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, kerana strategi dan insentif kerajaan berkesan, pada masa ini bilangan nekera kurang daripada

peluang kerja yang ditawarkan malah majikan yang tidak sanggup menaikkan upah tidak akan mendapat pekerja.

"Hakikatnya ialah *industrial peace* dan produktiviti yang tinggi lebih berkesan dalam menaikkan upah pekerja daripada cara-cara usang seperti tindakan perusahaan.

"Kenaikan upah cara ini juga tidak akan menyebabkan inflasi, dengan itu tambahan pendapatan bermakna meningkatkan kuasa membeli," jelas beliau.

Menurut *World Competitiveness Report 1993*, katanya, Malaysia sekali lagi diiktiraf sebagai negara keempat paling kompetitif di kalangan negara industri.

Kejayaan itu, katanya, adalah kerana upah yang tidak tinggi dan peningkatan daya pengeluaran.

Menurutnya, negara-negara membangun yang tidak mempunyai modal, teknologi atau pasaran yang besar dapat bersaing dengan negara-negara maju adalah kerana kos upah pekerja di negara maju terlalu tinggi dan pekerja-pekerja mereka mengurangkan masa bekerja.

"Jika kita yang serba kekurangan ini mengikut desakan mereka supaya menaikkan upah dengan sewenang-wenangnya dan kerap mengadakan tindakan perusahaan, kos kita juga akan meningkat dan kita akan menjadi tidak kompetitif," katanya.

Dr. Mahathir berkata, kegagalan industri di Barat adalah disebabkan oleh kenaikan kos sehingga barangan mereka tidak lagi dapat bersaing dengan barangan dari Asia termasuk Malaysia.

Tambah beliau, sebaliknya

pada zaman kolonial, mereka boleh menghalang industri daripada diadakan di tanah jajahan mereka dengan menggunakan buruh India dan Cina yang dibayar upah yang rendah dan memaksa penduduk tanah jajahan membeli barangan buatan mereka.

"Dengan cara ini, mereka boleh menaikkan gaji pekerja mereka, mengurangkan masa kerja dan membayar elaun menganggur yang tinggi sepanjang masa.

"Industri mereka berkembang maju dan bertambah, sementara pekerja mereka dapat peluang bekerja yang banyak," katanya.

Malah, kata Dr. Mahathir, jika golongan pekerja mengambil pelbagai tindakan perusahaan, tidak ada apa-apa kesan buruk berlaku kerana mereka menguasai sumber bahan mentah dan pasaran dalam empayar mereka.

"Inilah *economic order* zaman kolonial, di mana segalanya ditentukan oleh kerajaan kolonial."

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, hari ini mereka tidak mempunyai empayar lagi, malah negara yang bebas daripada penjajahan sudah boleh memasuki bidang industri pembuatan serta boleh mengeluarkan barangan yang dulu hanya penjajah saja boleh keluarkan.

"Dengan itu, negara-negara Barat terpaksa bersaing dalam pasaran terbuka dengan negara membangun, tetapi tabiat kerja mereka tidak berubah.

"Mereka terus menuntut upah yang tinggi, masa kerja yang kurang dan bayaran pengangguran yang tinggi," jelas beliau.